

# Pelaksanaan PPPM (PT) 2015-2025 berjaya

KUALA LUMPUR 3 Sept. -

Kementerian Pendidikan Tinggi menyifatkan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025 berjaya apabila banyak program bagi menjayakan pelan itu telah dilaksanakan di peringkat universiti.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, program pelan tersebut termasuk menjemput ramai pakar dalam pelbagai bidang industri dari dalam serta luar negara bagi berkongsi pengalaman mereka dengan universiti-universiti tempatan sejak dilancarkan pada 7 April lalu.

"Ramai ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat terkemuka telah dijemput ke universiti dalam pelan pembangunan ini bagi memberi syarahan dalam bidang masing-masing. Pelan ini mula memperliahkan pelaksanaannya apabila ia dijalankan berterusan.

"Malah, ia akan diadakan lebih banyak lagi bagi mengetengahkan isu-isu yang berkaitan dengan keberkesanan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor industri," katanya selepas majlis Program Fakulti 2015 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang dekat sini hari ini.

Program anjuran Fakulti Ke-



IDRIS JUSOH (depan, dua dari kiri) melihat Putra Solar Car semasa majlis perasmian Program Fakulti 2015, di UPM Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/FAIRUZ IZYANA AYUB

juruteraan UPM dengan dihadiri 400 pelajar universiti tersebut menampilkan Pengarah Penyelidikan dan Teknologi Kumpulan Rolls-Royce (UK), Dr. Richard Parker yang menyampaikan ceramah bertajuk *Clean Sky, Green Sky*.

Yang turut hadir dalam ceramah perkongsian maklumat syarikat pengeluar enjin pesawat, kenderaan dan tenaga nuklear terkemuka itu ialah Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom ke negara ini, Vicki Treadell dan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan.

Menurut Idris, PPPM (PT) 2015-2025 merupakan suatu pelan yang komprehensif kerana bukan ia setakat menyalurkan maklumat berkaitan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor industri tetapi juga menekankan aspek kepemimpinan dalam kalangan penuntut universiti.

"Rolls-Royce dalam program ini banyak berkongsi tentang penyelidikan dan pembangunan mereka yang boleh dipelajari oleh fakulti ini. Begitu juga syarikat-syarikat lain seperti Shell, Huawei dan Khazanah Nasional," ujarnya.